

# UMT didik pelajar urus perpustakaan

SK 23/05/08 Pg-T6

"Program ini diharap dapat memberikan satu impak kepada peserta melalui penerapan maklumat-maklumat yang relevan berkenaan pengurusan perpustakaan masa kini serta dapat memotivasikan mereka dalam memupuk amalan mengunjungi perpustakaan apabila melangkah ke alam universiti kelak."

■ NURUL HUDA HUSAIN

**KUALA TERENGGANU** - Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan kerjasama Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu telah menganjurkan Program Komuniti Perpustakaan Sultanah Nur Zahrah bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman mengenai kaedah

pengurusan perpustakaan serta kesedaran tentang kepentingan ilmu kepada golongan pelajar.

Pengarah Program tersebut, Ahmad Abdul Rahim Ali-as berkata, program berkenaan merupakan satu inisiatif dalam membantu meningkatkan pengurusan mutu pengurusan pusat sumber sekolah melalui pendedahan aspek-aspek khusus dalam pengurusan perpustakaan.

"Program ini diharap dapat memberikan satu impak kepada

peserta melalui penerapan maklumat-maklumat yang relevan berkenaan pengurusan perpustakaan masa kini serta dapat memotivasikan mereka dalam memupuk amalan mengunjungi perpustakaan apabila melangkah ke alam universiti kelak," katanya ketika ditemui **Sinar Harian** dalam program tersebut di Perpustakaan Sultanah Nur Zahrah, di sini, semalam.


Menurutnya, perpustakaan

merupakan gedung ilmu yang menempatkan pelbagai maklumat serta ilmu tanpa batasan untuk diterokai oleh masyarakat, khususnya golongan pelajar dalam memperoleh ilmu sebanyak mungkin.

"Menyedari hakikat kepentingan ilmu, adalah wajar pemupukan kesedaran terhadap sentimen mencintai ilmu perlu ditingkatkan dengan menganjurkan program sebegini, kerana ia dilihat mampu menarik golongan pelajar untuk terlibat sama," katanya.

Menurutnya, program tersebut diharap menjadi landasan terbaik bagi menyokong matlamat berkenaan, serta peluang yang diberikan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan segala ilmu yang diperoleh ketika menyertai aktiviti yang dirancang bagi kepentingan masa hadapan.

Tambahnya, selain memenuhi tanggungjawab dalam menyumbangkan khidmat sosial



Sebahagian peserta kursus menggunakan 'selfcheck machine'.

kepadanya masyarakat khususnya pelajar sekolah, program tersebut juga bertujuan menggalakkan perkembangan kerjasama dua hala antara universiti dan komuniti setempat.

"Program julung kali diajukan ini merupakan mekanisme dalam usaha untuk membina satu 'jambatan' yang mampu menghubungkan masyarakat setempat mengenai perkembang-

kan semasa kehidupan kampus serta di arap dapat mencetuskan inspirasi kepada pelbagai golongan dalam melanjutkan pengajian hingga ke tahap yang membanggakan," katanya.